



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



# GARIS PANDUAN

PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN  
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI EDISI 2019

© Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital

Edisi 2019

Hak Cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Garis panduan ini merupakan dokumen rasmi yang diterbitkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital yang hanya boleh digunakan untuk sistem pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti sahaja. Pengedaran dan penggunaan di luar sistem pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

**BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 6, Galeria PJH, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 PUTRAJAYA

No. Tel: 03 88919000

No. Faks: 03 88919300

<http://mypolycc.edu.my>

[webjppoli@mohe.gov.my](mailto:webjppoli@mohe.gov.my)

ISBN 978-967-2243-68-7

## **PRAKATA**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2019 ini berjaya diterbitkan.

Garis panduan ini disediakan sebagai sumber rujukan kepada semua pegawai pengurusan akademik dan pensyarah dalam melaksanakan proses pemantauan PdP. Pelaksanaan pemantauan PdP ini juga seharusnya dilihat oleh pensyarah sebagai salah satu kaedah penilaian sendiri agar teknik PdP sentiasa ditambahbaik supaya bersesuaian dengan suasana pembelajaran generasi pelajar masa kini dan sekaligus melahirkan graduan yang lebih berkualiti.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pembangunan Garis Panduan Pemantauan PdP Politeknik dan Kolej Komuniti di atas sumbangan besar mereka menyediakan garis panduan ini. Semoga ia dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pihak berkenaan di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH  
BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**NOVEMBER 2019**

## ISI KANDUNGAN

NO.	PERKARA	MUKA SURAT
	Glosari	iv
	Senarai Singkatan	vi
1.0	Pendahuluan	1
2.0	Objektif Pemantauan PdP	3
3.0	Skop Pemantauan PdP	3
4.0	Peranan dan Tanggungjawab	
4.1	Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah	4
4.2	Penyelaras Pemantauan PdP Institusi	4
4.3	Ketua Jabatan (Politeknik)/ Ketua Program/ Ketua Unit (Kolej Komuniti)	5
4.4	Pegawai Pemantau	5
4.5	Pensyarah Yang Dipantau	5
5.0	Kriteria Pegawai Pemantau	6
6.0	Syarat-Syarat Utama Pemantauan PdP	7
7.0	Prosedur Pelaksanaan Pemantauan PdP	
7.1	Fasa 1: Pra Pemantauan PdP	9
7.2	Fasa 2: Semasa Pemantauan PdP	9
7.3	Fasa 3: Pasca Pemantauan PdP	10
7.4	Carta Alir Pelaksanaan Pemantauan PdP	13
8.0	Penguatkuasaan Penggunaan	14
9.0	Dokumen Rujukan	14
10.0	Senarai Lampiran	15



## GLOSARI

Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	<ul style="list-style-type: none"><li>•Merangkumi dua elemen iaitu aktiviti penyampaian ilmu pengetahuan oleh pensyarah (pengajaran) dan proses interaksi pelajar dengan pensyarah agar berlakunya proses pemerolehan ilmu pengetahuan atau penguasaan kemahiran (pembelajaran) secara langsung atau tidak langsung.</li></ul>
Mod Pengajian	<ul style="list-style-type: none"><li>•Pelaksanaan program pengajian politeknik dan kolej komuniti secara sepenuh masa atau separuh masa</li></ul>
Pensyarah	<ul style="list-style-type: none"><li>•Tenaga pengajar politeknik dan kolej komuniti yang dilantik untuk melaksanakan proses PdP.</li></ul>
Fail Rekod Pensyarah (FRP)	<ul style="list-style-type: none"><li>•Fail semasa yang disediakan oleh pensyarah untuk menyimpan rekod kualiti yang berkaitan dengan pelaksanaan PdP berdasarkan kurikulum yang digunakan serta maklumat lain yang menyokong aktiviti PdP.</li></ul>
i-FRP	<ul style="list-style-type: none"><li>•Satu sistem yang mengandungi rekod kualiti yang berkaitan dengan pelaksanaan PdP berdasarkan kurikulum yang digunakan serta maklumat lain yang menyokong aktiviti PdP secara dalam talian (<i>on-line</i>).</li></ul>
Hasil Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"><li>•Pernyataan tentang perkara yang pelajar dikehendaki tahu, faham dan boleh lakukan setelah selesai satu tempoh pembelajaran.</li></ul>

## GLOSARI

Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Satu proses peningkatan kualiti secara berterusan yang mengambil kira semua faktor penyumbang secara menyeluruh.</li></ul>
Pra Pemantauan PdP	<ul style="list-style-type: none"><li>• Proses yang berlaku sebelum pemantauan PdP dilaksanakan yang melibatkan perbincangan awal antara pegawai pemantau dengan pensyarah yang dipantau.</li></ul>
Pemantauan PdP	<ul style="list-style-type: none"><li>• Proses pencerapan yang dijalankan ke atas pensyarah yang dipantau oleh pegawai pemantau dan penilaian oleh pelajar.</li></ul>
Pasca Pemantauan PdP	<ul style="list-style-type: none"><li>• Proses yang berlaku setelah pemantauan PdP selesai dijalankan yang melibatkan perbincangan dapatan pemantauan (termasuk maklum balas pelajar) antara pegawai pemantau dengan pensyarah yang dipantau.</li></ul>
Penyelaras Pemantauan PdP Institusi (PI)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai yang dilantik oleh Pengarah/ TPA / TP untuk menyelaraskan proses pemantauan PdP di institusi tersebut.</li></ul>
Pegawai Pemantau (PP)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang dilantik oleh KJ (Politeknik) dan KPro/KU (Kolej komuniti) bagi melaksanakan proses pemantauan PdP.</li></ul>
Program Pengajian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Susunan kursus yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dalam peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan lazimnya menjerus kepada penganugerahan suatu kelayakan.</li></ul>

## SENARAI SINGKATAN

PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
CQI	<i>Continuous Quality Improvement</i> (Penambahbaikan Kualiti Berterusan)
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
TPA	Timbalan Pengarah Akademik
TP	Timbalan Pengarah
KJ	Ketua Jabatan
KPro	Ketua Program
KK	Ketua Kursus
KU	Ketua Unit
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i> (Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional)
PI	Penyelaras Pemantauan PdP Institusi
PP	Pegawai Pemantau
PYP	Pensyarah Yang Dipantau
FRP/ i-FRP	Fail Rekod Pensyarah/ Fail Rekod Pensyarah dalam talian ( <i>on-line</i> )
LLO	Lesson Learning Outcomes
WBL	Work-Based Learning

## PETIKAN MENGENAI PEMANTAUAN DI DALAM GGP:MR-CIIQ (MQA)

Program akademik merupakan wadah utama untuk institusi menyumbang kepada kemajuan negara dengan menyediakan pelajar agar dapat memainkan peranan mereka dalam masyarakat selepas tamat pengajian. Oleh demikian, institusi perlu memantau dan menyemak kualiti program akademiknya dan jabatan yang mengendalikannya bagi memastikan ia sentiasa memenuhi keperluan pihak berkepentingan, mengekalkan standard akademik dan menyediakan pengalaman berkualiti untuk pelajar. Mesej utama di dalam GGP ini adalah bahawa proses pemantauan dan penyemakan program memperkasa staf akademik.

Pemantauan modul mempunyai dua tujuan utama iaitu untuk memantau tahap prestasi pelajar, melalui penyemakan markah dan gred yang diberikan. Tujuan yang kedua ialah memaklumkan penyelaras/pensyarah/pengajar mengenai prestasi pelajar, kandungan modul, kaedah penyampaian, pengajaran dan penilaian. Perkara-perkara ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi menerusi penilaian sumatif dan formatif, serta melalui maklum balas pelajar, seperti :

- i. Kesediaan pelajar untuk memenuhi keperluan akademik modul tersebut;
- ii. Kefahaman pelajar mengenai bahan-bahan modul itu dan kaedah pembelajaran serta pengajaran;
- iii. Topik yang dikuasai pelajar dan topik yang memerlukan perhatian lanjut;
- iv. Penglibatan pelajar dengan bahan modul;
- v. Tugas yang sukar untuk pelajar, dan yang menarik serta memotivasikan pelajar;
- vi. Pelajar yang memerlukan bimbingan tambahan dengan modul tersebut;
- vii. Sejauh mana pelajar berpuas hati dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran

Aspek di atas juga berguna dalam menambah baik kandungan modul, penyampaian dan kaedah penilaian. Penyelaras/ pensyarah/ pengajar modul kini mempunyai bukti untuk perancangan masa hadapan dan perkembangan modul yang melibatkan sumber dan kemudahan yang diperlukan bagi penyampaian modul dan keberkesanan kaedah penilaian.

*Rujukan : GGP:MR-CIIQ terbitan MQA pada mukasurat i, 35 dan 36*



## 1.0 PENDAHULUAN

**P**enggabungan Jabatan Pendidikan Politeknik dengan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti pada tahun 2018 telah meningkatkan skala, skop dan jangkauan gabungan organisasi. Penggabungan ini juga merupakan satu peluang penting untuk mewujudkan sistem pendidikan yang lebih kemas dan seragam bagi Politeknik dan Kolej Komuniti dari segi penyampaian PdP. Sehubungan itu, keberkesanan PdP perlu dijadikan satu agenda penting bagi memartabatkan profesionalisme pensyarah. Usaha ini juga adalah menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di dalam Lonjakan #1 bagi Inisiatif B3 iaitu Mengiktiraf Kecemerlangan Pengajaran samada pada peringkat individu atau institusi seperti kualiti pembelajaran dan pengajaran.

Garis Panduan Pemantauan PdP adalah satu keperluan dalam memastikan proses pemantauan PdP mencapai standard yang diperlukan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti. Proses PdP merupakan antara elemen yang penting dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar. Pemantauan pengajaran pensyarah yang dilaksanakan secara berkala berdasarkan garis panduan ini dapat memastikan pelaksanaan PdP mematuhi perancangan dan peraturan yang ditetapkan.

*Sharifah Alwiah Alsagoff (1983) "Pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada guru yang dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran terakhir yang diinginkannya"*

Penilaian pengajaran pensyarah oleh pegawai pemantau merangkumi proses semakan dokumen dan pencerapan semasa pelaksanaan PdP. Manakala maklum balas pelajar merangkumi penilaian pelajar terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah. Hasil penilaian pengajaran pensyarah dianalisis dan dilaporkan kepada pihak Pengurusan Akademik institusi dan JPPKK bagi tujuan melaksanakan tindakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme pensyarah.

Pelaksanaan pemantauan PdP harus dilaksanakan dengan terancang dan teratur. Pendekatan bimbingan harus ditekankan agar sebarang tindakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dapat dibuat dan mampu mendorong pensyarah untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Pelaksanaan pemantauan PdP ini juga seharusnya dilihat oleh pensyarah sebagai salah satu kaedah penilaian sendiri agar teknik PdP sentiasa ditambahbaik supaya bersesuaian dengan suasana pembelajaran generasi pelajar masa kini. Teknik pengajaran pensyarah juga harus disesuaikan dengan keperluan industri masa kini bagi memastikan graduan yang dihasilkan kekal relevan dan berdaya saing selaras dengan visi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti iaitu “Menjadi Peneraju Institusi TVET Yang Unggul”. Justeru itu, garis panduan ini merupakan rujukan kepada pemimpin dan staf akademik bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam proses pemantauan PdP.

## 2.0 OBJEKTIF PEMANTAUAN PdP

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan pemantauan ke atas proses Pembelajaran dan Pengajaran, iaitu :-

- 1.1 Memastikan perancangan dan penyampaian kurikulum dilaksanakan bagi mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan.
- 1.2 Memastikan pemantapan amalan OBE dikalangan pensyarah dan pelajar.
- 1.3 Menggunakan dapatan keseluruhan pemantauan PdP untuk melaksanakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) program pengajian.
- 1.4 Menjadikan dapatan sebagai input kepada program peningkatan kompetensi dan profesionalisme pensyarah.

## 3.0 SKOP PEMANTAUAN PdP

Garis panduan ini merangkumi Pengurusan Pemantauan PdP, Pra Pemantauan PdP, Pemantauan PdP Pensyarah, Pemantauan PdP Pensyarah oleh Pelajar, Pasca Pemantauan PdP Pensyarah, Pasca Pemantauan PdP Pensyarah oleh Pelajar, Pemantauan PdP Susulan, Pelaporan dan Tindakan. Ia digunakan oleh semua pegawai pengurusan akademik dan pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran program pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mod pengajian sepenuh masa. Penilaian pelajar terhadap pensyarah tidak melibatkan pelajar yang menjalani latihan industri dan WBL.



## 4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab disenaraikan bagi memudahkan semua pegawai pengurusan akademik dan pensyarah dalam melaksanakan proses pemantauan PdP. Berikut adalah senarai peranan dan tanggungjawab tersebut:

### 4.1 TPA/TP

Memudahcara dan mengawal selia proses pemantauan PdP di institusi masing-masing sama ada di Politeknik atau Kolej Komuniti.

Mempengerusikan Mesyuarat Akademik dan membincangkan status pelaksanaan dan dapatan pemantauan PdP yang telah dilaksanakan.

Membentangkan Laporan Pelaksanaan dan Dapatan Pemantauan PdP di dalam Mesyuarat Pengurusan / Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

### 4.2 PI

Menyelaras pelaksanaan pemantauan PdP di peringkat institusi. (Lampiran 1).

Mengadakan taklimat Garis Panduan Pemantauan PdP kepada semua pensyarah di institusi sekurang-kurangnya **sekali setahun**.

Mengumpul dan menganalisis dokumen pemantauan PdP institusi yang telah dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau.

Menyediakan Laporan Pelaksanaan dan Dapatan Pemantauan PdP institusi dan menghantar laporan ke Unit Naziran, BIPD, JPPKK.



---

4.3 KJ (Politeknik) dan KPro / KU (Kolej Komuniti)	Merancang dan melaksanakan proses pemantauan PdP di jabatan/program/unit masing-masing. (Lampiran 1)
	Membincangkan status pelaksanaan dan dapatan pemantauan PdP yang telah dilaksanakan di dalam Mesyuarat Jabatan / Unit.
	Menyediakan pelan tindakan dan pemantauan bagi pelaksanaan CQI di dalam penyampaian PdP.

---

4.4 PP	Melaksanakan pemantauan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
	Membincangkan dapatan pemantauan bersama PYP.
	Melengkapkan borang penilaian pemantauan PdP (Lampiran 2A).

---

4.5 PYP	Memahami proses pemantauan PdP dan bekerjasama dengan PP dalam pelaksanaan proses pemantauan PdP.
	Mengambil tindakan terhadap teguran dan cadangan penambahbaikan berdasarkan maklum balas pemantauan PdP.

---

Nota tambahan : Pihak pengurusan institusi adalah dibenarkan sekiranya ingin menambah jawatankuasa lain untuk melancarkan proses pemantauan PdP di institusi masing-masing demi memastikan objektif yang ingin dicapai dapat disempurnakan.

## 5.0 KRITERIA PEGAWAI PEMANTAU (PP)

5.1 PP yang dilantik oleh institusi mestilah bersesuaian dan berkelayakan untuk membuat pemantauan berdasarkan beberapa kriteria dan keadaan di sesebuah institusi. Secara prinsipnya, PP boleh terdiri daripada :

- i. Pengarah (jika perlu)
- ii. TPA/TP
- iii. KJ/KPro/KK (Politeknik)
- iv. KPro/KU (Kolej Komuniti)
- v. PPPT institusi yang dilantik oleh TPA/TP/KJ
- vi. PPPT institusi berlainan yang dilantik JPPKK (jika perlu)

5.2 Syarat kelayakan PP yang dilantik adalah berdasarkan:-

- i. Kapasiti jawatan semasa yang disandang; atau
- ii. Gred semasa adalah lebih tinggi daripada pensyarah yang dipantau; atau
- iii. Gred yang sama tetapi pegawai lebih lama (*senior*) daripada pensyarah yang dipantau; atau
- iv. Memiliki pengalaman mengajar 10 tahun dan ke atas.

## 6.0 SYARAT-SYARAT UTAMA PEMANTAUAN PdP

Berikut adalah perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian semasa proses pemantauan PdP pensyarah, pemantauan PdP oleh pelajar dan pemantauan PdP susulan.

1. Pemantauan PdP pensyarah adalah melibatkan penilaian daripada PP yang dilantik dan penilaian oleh pelajar di dalam kelas yang dipantau.

2. Tempoh masa PYP yang layak dicerap mestilah telah berada sekurang-kurangnya satu semester dalam kategori I atau kategori II pada tahun dicerap.

3. Pemantauan PdP hendaklah dilaksanakan terhadap semua pensyarah yang layak dicerap sekurang-nya **sekali dalam setahun**.

4. Pemantauan PdP perlu menggunakan Instrumen Pemantauan PdP yang telah disediakan.

5. Proses pemantauan PdP pensyarah dan penilaian oleh pelajar perlu dilaksanakan selewat-lewatnya pada **minggu ke-10 kuliah** bagi memberi ruang kepada pemantauan PdP susulan (jika perlu).

6. PP yang dilantik **tidak boleh** mendedahkan markah penilaian pemantauan PdP pensyarah dan penilaian oleh pelajar kepada selain PYP, PI, KJ/KPro dan TPA/TP.

7. Penilaian pemantauan PdP oleh pelajar mestilah melibatkan semua pelajar kelas berkenaan dan penilaian dilaksanakan selewat-lewatnya pada **minggu ke-10 kuliah** pada semester semasa..

8. Pemantauan PdP susulan perlu dilaksanakan sekiranya PYP memperoleh markah pemantauan PdP  $\leq 80\%$  daripada PP pertama atau pelajar; atau atas arahan pihak pengurusan institusi.

9. Pelaksanaan pemantauan PdP susulan mesti dilaksanakan **selewat-lewatnya minggu ke dua belas (12) kuliah** pada semester berkenaan.

10. Jika markah pemantauan PdP susulan masih tidak mencapai tahap minima yang ditetapkan, pihak institusi perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi menambak kualiti penyampaian PdP.



## 7.0 PROSEDUR PELAKSANAAN PEMANTAUAN PdP

Terdapat tiga (3) fasa pelaksanaan pemantauan PdP bagi mencapai objektif pemantauan PdP di institusi iaitu:

Fasa	Proses	Tindakan/ Makluman
<b>7.1 Fasa 1 :</b> Pra Pemantauan PdP	1. Membuat pemilihan PP yang akan dilantik dan PYP dengan mengisi Jadual Perancangan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) (rujuk <b>Lampiran 1</b> ).	KJ (Politeknik) KPro/KU (Kolej Komuniti)
	2. Mengesahkan pemilihan PP dan PYP berdasarkan perkara 1.	TPA/TP
	3. Mengadakan perbincangan berkaitan :- i. Tarikh, masa, tempat dan kelas yang terlibat.	PP PYP
	4. *Membuat semakan awal FRP/i-FRP pensyarah.  * Proses ini juga boleh dilaksanakan semasa Fasa 3 : Pemantauan PdP.	PP
<b>7.2 Fasa 2 :</b> Semasa Pemantauan PdP	1. Melaksanakan pemantauan PdP bagi <b>semua domain penilaian</b>	PP
	2. Memasukkan markah Penilaian Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pensyarah ( <b>Lampiran 2A</b> ) di dalam sistem/borang dengan merujuk kepada Rubrik Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) ( <b>Lampiran 2B</b> ).	PP
	3. Mengedarkan borang penilaian pemantauan PdP oleh pelajar ( <b>Lampiran 2C</b> ) sebelum sesi PdP bermula.	PP

Fasa	Proses	Tindakan/ Makluman
	4. Memberi penerangan tujuan penilaian pemantauan PdP dilaksanakan.	PP
	5. Mengumpul semula borang penilaian pemantauan PdP oleh pelajar.	PP
<b>7.3 Fasa 3 :</b> Pasca Pemantauan PdP	1. Memberikan maklum balas hasil pemantauan kepada PYP.	PP
	2. Mengira skor penilaian pemantauan PdP oleh pelajar.	PP
	3. Menyerahkan Borang Penilaian Pemantauan PdP iaitu <b>Lampiran 2A</b> dan <b>Lampiran 2C</b> kepada PI.	PP
	4. Mengesahkan skor penilaian pemantauan oleh PP .	PYP
	5. Mengira purata markah keseluruhan penilaian pensyarah oleh pelajar dan memasukkan ke dalam <b>Lampiran 2A</b> . Pengiraan purata adalah seperti berikut:  Purata = $\frac{\sum \text{peratus skor semua borang penilaian pemantauan PdP oleh pelajar}}{\text{Bilangan borang yang diisi}}$	PP
	6. Mengenalpasti PYP yang perlu pemantauan PdP susulan dan menyediakan jadual perancangan pemantauan susulan.	
	7. Memastikan PP bagi pemantauan PdP susulan perlu dilaksanakan oleh PP <b>individu yang berbeza</b> daripada PP pertama.	KJ (Politeknik)

Fasa	Proses	Tindakan/ Makluman
	8. Memastikan pemantauan PdP susulan dilaksanakan ke atas kursus dan kelas yang sama.	KPro/KU (Kolej Komuniti)
	9. Mengumpul Lampiran 2C daripada setiap PP yang telah dilantik selepas selesai proses pemantauan dilaksanakan.  Nota: Pihak institusi boleh membuat lantikan dalaman di peringkat jabatan/ unit bagi melancarkan proses pengumpulan dokumen pemantauan.	PI
	10. Menganalisis skor penilaian pemantauan keseluruhan peringkat institusi meliputi maklum balas dan cadangan penambahbaikan.	
	11. Menyediakan Laporan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Institusi ( <b>Lampiran 3</b> ).	PI KJ/ KPro/ KU
	12. Membincangkan hasil analisis laporan pemantauan PdP institusi di dalam Mesyuarat Akademik yang dipengerusikan oleh TPA/TP untuk makluman dan tindakan penambahbaikan.	TPA/TP
	13. Menghantar Laporan Pemantauan PdP Institusi ( <b>Lampiran 4</b> ) yang telah lengkap dan disahkan oleh TPA/TP ke BIPD, JPPKK pada <b>15 November setiap akhir tahun</b> bagi tujuan semakan/ tindakan susulan/ pembuktian pelaksanaan jaminan kualiti PdP di institusi.	PI

Fasa	Proses	Tindakan/ Makluman
	14. Menganalisis Laporan Pemantauan PdP keseluruhan institusi dan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Akademik / Mesyuarat Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti.	BIPD, JPPKK



## 7.4 Carta Alir Pelaksanaan Pemantauan PdP

### Tanggungjawab

KJ (Politeknik)  
KPro/KU (Kolej  
Komuniti)

TPA/TP

PP/PYP

PP

PP

Markah  $\leq 80\%$   
(Pemantauan PdP Susulan)

PI

Ulang proses 1-5

PI

### Proses Kerja

1. Buat pemilihan PP dan PYP dan isi  
**Lampiran 1**

2. Sahkan pemilihan PP dan PYP

3. Bincang berkaitan tarikh, masa,  
tempat dan kelas yang terlibat  
dengan pemantauan PdP


4. Laksana Pemantauan PdP  

- Penilaian Pensyarah
- Penilaian oleh pelajar

5. Buat analisis dapatan pemantauan  
PdP

6. Pelaporan dan tindakan institusi

7. Pelaporan ke JPKK



## 8.0 PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN

Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Edisi 2019 berkuat kuasa penggunaannya mulai **Disember 2019**. Manakala penggunaan Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Politeknik Edisi 2015 dan Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Kolej Komuniti Edisi 2013 adalah terbatal.

## 9.0 DOKUMEN RUJUKAN

- i. Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
- ii. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
- iii. Garis Panduan Amalan Baik : Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan, MQA
- iv. Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum
- v. Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Kolej Komuniti Edisi 2013
- vi. Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Politeknik Edisi 2015
- vii. Dasar & Prinsip Jaminan Kualiti Program Pengajian
- viii. Dasar & Prinsip Perancangan Dan Penyampaian Kurikulum Program Pengajian Tahun 2011 , Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi
- ix. Arahan-arahan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa

## 10.0 SENARAI LAMPIRAN

### **Lampiran 1: Jadual Perancangan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)**

Borang ini digunakan oleh Ketua Jabatan (Politeknik)/ Ketua Program/ Ketua Unit (Kolej Komuniti) sebagai Perancangan Pemilihan PP dan PYP yang akan terlibat dengan pemantauan PdP

### **Lampiran 2A: Borang Penilaian Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pensyarah**

Borang ini digunakan oleh PP untuk memberi markah penilaian dan maklum balas terhadap PYP.

### **Lampiran 2B: Rubrik Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pensyarah**

Rubrik ini digunakan oleh PP sebagai panduan semasa pemantauan pemantauan PdP terhadap PYP.

### **Lampiran 2C: Borang Penilaian Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) oleh Pelajar**

Borang ini digunakan oleh pelajar untuk memberi markah penilaian dan maklum balas terhadap sesi PdP PYP.

### **Lampiran 3: Laporan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Institusi**

Borang ini digunakan oleh PI untuk merekodkan semua markah penilaian terhadap semua PYP.

### **Lampiran 4: Rumusan Laporan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Institusi**

Format Laporan Pemantauan keseluruhan pensyarah di institusi berkenaan yang disediakan oleh PI .

**JAWATANKUASA SEMAK SEMULA**  
**GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**  
**EDISI 2019**

**PENASIHAT**

NOOR AZIZAN BIN ITAM  
Pengarah,  
Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital

**PENYUNTING**

ASURALYZAH BINTI SALEH  
Timbalan Pengarah,  
Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital

**PENULIS**

**TOPIK 1.0: PENDAHULUAN**  
**TOPIK 2.0: OBJEKTIF PEMANTAUAN PdP**  
**TOPIK 3.0: SKOP PEMANTAUAN PdP**

HANIZATUL NATASHA BINTI HASHIM (PPD)  
KUAZAHAN@NOOR AJUMA BINTI MAT HASSAN (KK KUALA PILAH)  
NURAINI BINTI HARUN (BIPD)  
MOHD AZHAR BIN AHMAD (BIPD)

**TOPIK 4.0 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**  
**TOPIK 5.0: KRITERIA PEGAWAI PEMANTAU PdP**

MARDHIAH BINTI SHARI (KK JELEBU)  
ROSMARIA BINTI ISMAIL (PMK)  
SITI ZUBAIDAH BINTI PAIKON (KK HULU LANGAT)



**TOPIK 6.0: PERKARA-PERKARA PENTING DALAM PEMANTAUAN PdP**

**TOPIK 7.0: FASA PELAKSANAAN PEMANTAUAN PdP**

SURIANIE BINTI MOHD SOM (PMKL)  
UMI HALAWATI BINTI AHBARRUDDIN (KK JEMPOL)  
WAN SYUKRIAH BINTI WAN MOHAMAD (KK SELAYANG)

**INSTRUMEN PENILAIAN PEMANTAUAN PdP PENSYARAH  
RUBRIK PENILAIAN PEMANTAUAN PdP PENSYARAH**

ASMAH BINTI HUSSAIN (PMM)  
NOORFOZILA BINTI BAHARI (POLISAS)  
HALIMAH BINTI MAT DESA (PPD)  
DR. RUSLAWATI BINTI ABDUL WAHAB (PPD)  
RAFIDAH FARAH HANIM BINTI ABD. RAZAK (PSA)  
AINIZA BINTI AMIN (KK BANDAR DARULAMAN)  
SUGANTI A/P EALANGOV (KK BERA)  
ZAIDAH BINTI MUSTAFA (KK AMPANG)  
SABARINA BINTI BASHARUDDIN (KK CHENDEROH)  
PAZILAH BINTI DARUS (KK SEBERANG JAYA)

**INSTRUMEN PENILAIAN PEMANTAUAN PdP OLEH PELAJAR**

ASURALYZAH BINTI SALEH (BIPD)  
ASMAH BINTI HUSSAIN (PMM)  
ROZAIMI BIN MAJID (POLIMAS)  
NOR RUSLI BIN ABU BAKAR (KK SABAK BERNAM)  
MUHAMMAD AFIQ BIN AZLAN (PELAJAR PSP)  
MUHAMAD NIK FITRI BIN ABDU AZIZ (PELAJAR PSP)  
AHMAD FAHMI BIN AHMAD NAZRI (PELAJAR PSP)  
MUHAMMAD AZREE RAIMI BIN REEZAL LUKMAN (PELAJAR KK SEBERANG JAYA)  
MUHAMMAD ZULFADHLI BIN MOHD TARMIZI (PELAJAR KK SEBERANG JAYA)

**PENYEMAK KANDUNGAN DAN BAHASA**

SITI MARLINA BINTI MOHAMMAD AMIN (PSAS)  
DR. SITI JUNAIDAH BINTI M. MUJIR (PBS)  
AZURA BINTI MOHD (PMKL)  
SAZUAN NAZLEEN BINTI MOHD SALLEH (KK SELAYANG)  
NUR AZEMAH BINTI AMINLUDIN (KK REMBAU)

**TURUT MENYUMBANG IDEA**

AZLAN BIN MUHARAM (KK MASJID TANAH)  
AHMAD FUAD BIN ELLIAS (PSIS)  
DIANA MALINI BINTI JARNI (PSA)  
NORMAZLINA BINTI OTHMAN (KK KUALA PILAH)  
ROSMIDA BINTI AB. GHANI (PSMZA)  
ZURAI DAH BINTI OMAR (PSA)

**GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN  
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI EDISI 2019**



Lampiran 1

**JADUAL PERANCANGAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PoP)  
POLITEKNIK / KOLEJ KOMUNITI :** \_\_\_\_\_  
**JABATAN / UNIT :** \_\_\_\_\_

BIL	PEGAWAI PEMANTAU										BUTIRAN PENSYARAH YANG DIPANTAU							CADANGAN MINGGU PELAKSANAAN			
	NAMA PEGAWAI PEMANTAU	*JAWATAN	GRES					NAMA PENSYARAH	GRES				53-54	51-52	47-48	43-44	41-42		29-34		
			JUSA	53-54	51-52	47-48	43-44		41-42	53-54	51-52	47-48								43-44	
1																					
2																					
3																					
4																					
5																					
6																					
7																					
8																					
9																					
10																					
<b>JUMLAH</b>		<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	

Disediakan oleh Ketua Jabatan (Politeknik)/ Ketua Program/ Ketua Unit (Kolej Komuniti) :

Disahkan oleh Timbalan Pengarah (Akademik)/ Timbalan Pengarah:

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan: \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

\*Jawatan :  
TPA/TP : Timbalan Pengarah Akademik / Timbalan Pengarah  
KJ : Ketua Jabatan (Politeknik)  
KU : Ketua Unit (Kolej Komuniti)  
KPro : Ketua Program

Makluman :  
Borang ini perlu dilengkapkan oleh Ketua Jabatan (Politeknik)/ Ketua Program/ Ketua Unit (Kolej Komuniti) sebelum proses pemantauan dilaksanakan

GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN  
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI EDISI 2019



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**



Lampiran 2A

**PENILAIAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) PENSYARAH**

NAMA PENSYARAH / GRED		PROGRAM / KELAS	
NO. KAD PENGENALAN		KOD & NAMA KURSUS	
JABATAN/ UNIT		TARIKH/ MASA/ TEMPAT	
SESI PENGAJIAN		KAEDAH PdP	TEORI / AMALI / PROJEK / KERJA LUAR

PERKARA	SKOR							ULASAN (KEKUATAN / KELEMAHAN / CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / AMALAN BAIK YANG BOLEH)
<b>DOMAIN 1 : PERSEDIAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (15%)</b>								
1. Fail Rekod Pensyarah (FRP/iFRP)	0	1	2	3	4	5		
2. Rancangan Mengajar	0	1	2	3	4	5		
3. Course Outline	0	1	2	3	4	5		
<b>JUMLAH SKOR :</b>							( ____ ) / 15 x 15%	
<b>JUMLAH PERATUS DOMAIN 1 :</b>							_____	
<b>DOMAIN 2 : PELAKSANAAN OBE DALAM PdP (50%)</b>								
1. Set induksi	0	1	2	3	4	5		
2. Penerangan Lesson Learning Outcomes (LLO)	0	1	2	3	4	5		
3. Komunikasi secara efektif	0	1	2	3	4	5		
4. Pengajaran secara interaktif	0	1	2	3	4	5		
5. Penggunaan sumber pendidikan (Penggunaan teknologi/ BBM)	0	1	2	3	4	5		
6. Penilaian formatif (Semasa sesi pemantauan PdP)	0	1	2	3	4	5		
7. Rumusan sesi PdP	0	1	2	3	4	5		
8. Refleksi sesi PdP terdahulu	0	1	2	3	4	5		
<b>JUMLAH SKOR :</b>							( ____ ) / 40 x 50%	
<b>JUMLAH PERATUS DOMAIN 2 :</b>							_____	
<b>DOMAIN 3 : KOMPETENSI &amp; PROFESIONALISME PENSYARAH (15%)</b>								
1. Penguasaan ilmu/kemahiran yang berkaitan kursus	0	1	2	3	4	5		
2. Nilai-nilai profesionalisme	0	1	2	3	4	5		
3. Penerapan nilai-nilai murni & etika	0	1	2	3	4	5		
<b>JUMLAH SKOR :</b>							( ____ ) / 15 x 15%	
<b>JUMLAH PERATUS DOMAIN 3 :</b>							_____	
<b>DOMAIN 4 : PENGURUSAN KELAS (10%)</b>								
1. Kawalan kelas	0	1	2	3	4	5		
2. Pengurusan masa	0	1	2	3	4	5		
<b>JUMLAH SKOR :</b>							( ____ ) / 10 x 10%	
<b>JUMLAH PERATUS DOMAIN 4 :</b>							_____	
<b>DOMAIN 5 : PEMERKASAAN BAHASA INGGERIS DALAM PENYAMPAIAN PdP (10%)</b>								
1. Penggunaan Bahasa Inggeris dalam PdP	0	1	2	3	4	5		
<b>JUMLAH SKOR :</b>							( ____ ) / 5 x 10%	
<b>JUMLAH PERATUS DOMAIN 5 :</b>							_____	

\*Skor bagi penilaian ke atas kursus yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar seperti yang dinyatakan di dalam dokumen kurikulum.

<b>PERATUS KESELURUHAN (DOMAIN 1 HINGGA 5) :</b>	_____	Pensyarah yang dinilai : ..... <b>Nama :</b> <b>No. KP :</b> <b>Tarikh :</b>
<b>PERATUS KESELURUHAN (DOMAIN 1 HINGGA 4) :</b> (Kursus yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar)	( ____ ) / 90 x 100%	Pegawai Pemantau : ..... <b>Nama :</b> <b>No. KP :</b> <b>Tarikh :</b>
<b>PERATUS SKOR PENILAIAN OLEH PELAJAR:</b>		

Borang penilaian ini perlu dilengkapkan oleh Pegawai Pemantau



**RUBRIK PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)**

<b>DOMAIN 1 : PERSEDIAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (15%)</b>							
Perancangan dan persediaan yang rapi bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran kursus yang dipantau							
Bil	Kriteria	1	2	3	4	5	Skor
